

PENDIDIKAN DALAM DRAMA CINTA: MENEROKAI PENERBITAN NILAI MESEJ BERUNSURKAN DIDIKAN DALAM KALANGAN PENGGIAT INDUSTRI PENYIARAN TELEFILEM MELAYU DI MALAYSIA

EDUCATIONAL MESSAGING IN ROMANCE DRAMA: AN EXPLORATION OF VALUE-LADEN PRODUCTION PRACTICES IN THE MALAYSIAN MALAY TELEFILM INDUSTRY

Afeez Nawfal Mohd Isa ¹
Ammalina Dalillah Mohd Isa ^{2*}
Aselawati Che Ab Adziz ³
Mohd Aliff Mohd Noor ⁴

¹ Fakulti Seni, Kelestarian Dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjung Malim, Perak, Malaysia (E-mail: afeez@fskik.upsi.edu.my)

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: ammalina@ukm.edu.my)

³ Jabatan Teknologi Media, Pusat Pengajian Multimedia Teknologi dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia (E-mail: aselawati.adziz@gmail.com)

⁴ Jabatan Penyiaran Malaysia, 50614 RTM Angkasapuri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia (E-mail: mohdaliff@rtm.gov.my)

*Corresponding author: ammalina@ukm.edu.my

Article history

Received date : 4-3-2026
Revised date : 5-3-2026
Accepted date : 1-4-2026
Published date : 8-4-2026

To cite this document:

Mohd Isa, A. N., Mohd Isa, A. D., Che Ab Adziz, A., & Mohd Noor, M. A. (2026). Pendidikan dalam drama cinta: Menerokai penerbitan nilai mesej berunsurkan didikan dalam kalangan penggiat industri penyiaran telefilem Melayu di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (81), 550 – 561

Abstrak: *Kajian ini meneliti dominasi tema cinta dalam penerbitan telefilem Melayu di Malaysia serta implikasinya terhadap penyampaian nilai didikan, sosial dan budaya kepada masyarakat. Dalam landskap industri drama televisyen tempatan, tema cinta sering dijadikan teras penceritaan kerana daya tarikan popularnya, namun kecenderungan kepada formula naratif yang berulang dan stereotaip menimbulkan persoalan tentang fungsi pendidikan dan tanggungjawab sosial media. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis bagaimana tema cinta dipaparkan dalam telefilem Melayu terpilih dan bentuk nilai didikan yang dikonstruksikan melalui penceritaan tersebut; menilai pandangan penggiat industri drama televisyen terhadap kesesuaian dan potensi tema cinta sebagai medium penyampaian mesej didikan; serta mengenal pasti faktor kreatif, institusi dan komersial yang mempengaruhi keupayaan penggiat industri dalam menerapkan nilai didikan melalui drama bertemakan cinta. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap telefilem Melayu terpilih dan temu bual separa berstruktur bersama penggiat industri drama televisyen. Analisis memberi tumpuan kepada struktur naratif, pembinaan konflik, resolusi cerita serta*

proses pengkodan nilai didikan dalam kerangka hiburan. Dapatan kajian menunjukkan drama cinta Melayu berfungsi dalam dua peranan utama, iaitu sebagai medium hiburan popular dan saluran penyampaian nilai sosial secara terbatas. Walaupun mesej didikan diletakkan secara sedar melalui simbol dan naratif, sering wujud konsensus dengan tekanan komersial, norma genre romantik dan kekangan institusi penyiaran. Nilai didikan cenderung muncul sebagai elemen tambahan dan bukan struktur teras penceritaan. Kajian ini menyimpulkan bahawa penerapan nilai didikan yang lebih bermakna dalam drama cinta Melayu memerlukan keseimbangan antara tuntutan pasaran, kebebasan kreatif dan komitmen terhadap tanggungjawab sosial media.

Kata Kunci: *Drama Televisyen Melayu; Tema Cinta; Nilai Didikan; Tanggungjawab Sosial Media; Budaya Popular*

Abstract: *This study examines the dominance of the romance theme in Malay telefilm production in Malaysia and its implications for the transmission of educational, social, and cultural values. In the local television drama industry, romance is frequently positioned as the core of storytelling due to its popular appeal; however, reliance on repetitive and stereotypical narrative formulas raises questions regarding the educational function and social responsibility of the media. The study aims to analyse how the romance theme is represented in selected Malay telefilms and the forms of educational values constructed through these narratives; to evaluate industry practitioners' views on the suitability and potential of romance as a medium for conveying educational messages; and to identify creative, institutional, and commercial factors influencing practitioners' capacity to embed educational values in romance-themed dramas. A qualitative approach is employed through content analysis of selected telefilms and semi-structured interviews with television drama industry practitioners. The analysis focuses on narrative structure, conflict construction, story resolution, and the encoding of educational values within an entertainment framework. The findings show that Malay romance dramas serve two primary functions: popular entertainment and a limited channel for transmitting social values. Although educational messages are consciously embedded, they are often shaped by commercial pressures, genre conventions, and institutional constraints, resulting in educational values appearing as supplementary rather than central. The study concludes that more meaningful integration of educational values requires balancing market demands, creative freedom, and media social responsibility.*

Keywords: *Malay Television Drama; Romance Theme; Educational Values; Media Social Responsibility; Popular Culture*

Pengenalan

Industri drama televisyen di Malaysia, yang turut dikenali sebagai telefilem atau drama bersiri, merupakan salah satu sektor utama dalam landskap penyiaran tempatan dan terus mendapat sambutan meluas dalam kalangan penonton. Sebagai produk budaya popular, drama televisyen telah lama berperanan penting dalam membentuk wacana sosial, nilai budaya dan imaginasi kolektif masyarakat. Menurut Juliana et al. (2013), sejak awal tahun 1970-an lagi, genre soap opera atau melodrama telah menjadi bentuk penceritaan yang dominan dalam industri televisyen di rantau Asia Tenggara, termasuk Malaysia. Dalam konteks tempatan, kebanyakan drama televisyen dibangunkan berasaskan tema yang dekat dengan pengalaman harian masyarakat, khususnya tema percintaan. Tema cinta bukan sahaja menjadi teras penceritaan, malah berfungsi sebagai formula dominan yang digunakan oleh rumah-rumah produksi bagi

memenuhi permintaan stesen televisyen sama ada swasta mahupun kerajaan. Keberkesanan tema ini dari sudut tarikan emosi dan komersial menjadikannya pilihan utama dalam strategi penghasilan kandungan drama.

Walau bagaimanapun, dominasi tema cinta turut menimbulkan polemik dalam kalangan penggiat industri dan pengkritik budaya. Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa penceritaan drama Melayu semakin berulang, tepu dan terikat kepada naratif percintaan yang bersifat klise. Beberapa penggiat industri sendiri mengakui keperluan untuk mengubah pendekatan penceritaan dengan memberi fokus kepada tema-tema alternatif bagi membentuk semula mentaliti dan citarasa penonton (Joseph, 2022). Kritikan ini turut menegaskan bahawa drama bertemakan cinta sering digarap sebagai kisah khayalan yang mengutamakan emosi semata-mata, tanpa memberi penekanan yang signifikan terhadap nilai pendidikan atau pembangunan sosial masyarakat.

Sehubungan itu, kajian ini berusaha merungkai persoalan tentang kemampuan tema cinta dalam drama televisyen Melayu untuk berfungsi sebagai medium hiburan yang juga menyampaikan nilai didikan. Dengan meneliti pandangan penggiat industri drama televisyen, kajian ini cuba memahami peranan, tanggungjawab dan cabaran yang dihadapi dalam usaha menghasilkan penceritaan bertemakan cinta yang lebih bermakna dari sudut sosial dan budaya.

Pernyataan Masalah

Secara asasnya, karya drama fiksyen dibina melalui struktur naratif yang membawa mesej tertentu iaitu sama ada tersurat atau tersirat yang berpotensi mempengaruhi pemaknaan sosial, jangkauan moral, serta cara khalayak menilai 'normal' dalam kehidupan seharian. Kajian komunikasi massa menunjukkan bahawa pendedahan berulang terhadap naratif fiksyen boleh membentuk jangkauan moral yang idealistik serta mempengaruhi cara penonton menilai dunia sosial (Bilandzic et al., 2019). Malah, penerimaan mesej moral turut berbeza mengikut genre, dan penonton boleh terlibat dalam refleksi moral yang berbeza-beza berdasarkan struktur penceritaan serta kategori kandungan yang ditonton (Krijnen & Verboord, 2016).

Dalam konteks industri drama televisyen Melayu di Malaysia, penceritaan sering diikat oleh sistem genre yang membantu pengkarya membina formula naratif yang 'mudah diterima' pasaran. Namun begitu, dominasi tema cinta yang berulang, klise dan sensasi sering mencetuskan persoalan tentang fungsi sosial drama: adakah drama bertemakan cinta sekadar memenuhi keperluan hiburan dan rating, atau boleh berperanan sebagai medium pendidikan sosial dan pemupukan nilai budaya? Perdebatan ini konsisten dengan kebimbangan awam bahawa lambakan kandungan drama. Justeru, jika tidak diseimbangkan dengan konteks pendidikan atau pengajaran yang jelas ianya berisiko mengelirukan penonton tentang nilai moral dan adab, terutama dalam kalangan remaja (Joseph, 2022).

Walaupun terdapat karya drama Melayu yang masih memaparkan nilai agama, adat, dan norma sosial tertentu, dapatan kajian menunjukkan pemaparan nilai tersebut tidak semestinya menyeluruh dan kadangkala hadir secara terpilih atau tidak konsisten mengikut episod dan tuntutan naratif (Yaakop & Sham, 2022). Dalam kajian berkaitan drama berunsur dakwah pula, nilai Islam boleh disampaikan secara implisit, namun aspek pematuhan gaya hidup dan representasi nilai masih mempunyai ruang penambahbaikan; pada masa yang sama, sebahagian penonton mengakui tujuan tontonan lebih dominan sebagai hiburan berbanding pembelajaran nilai (Rasit et al., 2020). Keadaan ini memperkukuh jurang antara potensi didaktik drama dan realiti orientasi hiburan dalam penerimaan khalayak.

Selain itu, isu ‘nilai didikan’ dalam drama tidak boleh dipisahkan daripada konteks struktur industri dan kawal selia. Di Malaysia, kandungan penyiaran tertakluk kepada prinsip dan garis panduan kawalan sendiri industri melalui Kod Kandungan (*Content Code*) yang menekankan pemeliharaan nilai, keharmonian, serta tanggungjawab penyedia kandungan (Communications and Multimedia Content Forum of Malaysia [CMCF], 2022). Pada masa yang sama, institusi televisyen tempatan juga diangkat sebagai entiti yang berperanan dalam pemupukan literasi media, namun berdepan tekanan persaingan platform digital dan tuntutan pasaran yang boleh mengubah keutamaan kandungan (Syed & Ibrahim, 2018). Maka, penghasilan drama cinta yang benar-benar mengangkat nilai didikan bukan hanya isu kreatif penulis atau pengarah semata-mata, tetapi turut berkait dengan tekanan komersial, rutin produksi, tafsiran polisi kandungan, dan strategi stesen penyiaran. Justeru, masalah utama kajian ini ialah kekurangan pemahaman empirikal dari sudut pandangan penggiat industri tentang bagaimana nilai didikan boleh diterbitkan secara bermakna dalam drama cinta, serta apakah kekangan sebenar (kreatif, institusi, pasaran dan kawal selia) yang membentuk keputusan naratif.

Objektif Kajian

Kajian ini penting bagi menilai semula kedudukan tema cinta yang bukan sekadar berfungsi sebagai formula hiburan, tetapi sebagai wacana budaya popular yang memberi kesan terhadap pembinaan nilai, identiti dan pendidikan sosial masyarakat Melayu. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk: (a) menganalisis bagaimana tema cinta dipaparkan dalam telefilem Melayu terpilih dan sejauh mana penceritaan tersebut mengandungi unsur nilai didikan, sosial dan budaya; (b) menilai pandangan penggiat industri drama televisyen terhadap kesesuaian dan potensi tema cinta sebagai medium penyampaian mesej didikan dalam penerbitan telefilem Melayu; dan (c) mengenal pasti faktor kreatif, institusi dan komersial yang mempengaruhi keupayaan penggiat industri dalam menerapkan nilai didikan melalui penceritaan bertemakan cinta.

Kajian Literatur

Bagi memastikan perbincangan bahagian ini sistematik dan terarah, kajian literatur ini dikupas menerusi lima tema.

Drama dan Masyarakat

Drama televisyen secara asasnya merupakan produk budaya yang dibina berasaskan konteks sosial, nilai dan norma masyarakat setempat. Sebagai teks budaya popular, drama bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi turut berperanan sebagai medium pembentukan makna sosial dan penyampaian mesej ideologi tertentu (Bilandzic et al., 2019). Dalam konteks masyarakat Melayu, drama televisyen sering mencerminkan realiti sosial, aspirasi, serta konflik nilai yang berlaku dalam kehidupan seharian penontonnya.

Pandangan awal oleh Said (1988) seperti yang dirujuk dalam kajian Bolong (1998) menyatakan bahawa penerbitan drama Melayu, khususnya pada peringkat awal, menekankan fungsi hiburan selari dengan perkembangan drama radio. Namun demikian, hiburan yang diterapkan tidak bersifat neutral semata-mata, sebaliknya membawa mesej-mesej tertentu yang berpotensi berfungsi sebagai medium pendidikan secara langsung atau tidak langsung. Hal ini selari dengan dapatan kajian kontemporari yang menunjukkan bahawa naratif drama boleh membentuk jangkauan moral, empati dan pemahaman sosial dalam kalangan penonton melalui pendedahan berulang terhadap struktur cerita tertentu (Krijnen & Verboord, 2016).

Walau bagaimanapun, beberapa kajian tempatan menzahirkan kebimbangan terhadap kesan negatif kandungan televisyen, khususnya drama dan iklan bertemakan cinta yang didakwa memaparkan nilai bercanggah dengan budaya dan ajaran Islam (Zahrin & Mohamad, 2024). Kandungan yang terlalu menekankan unsur romantik Barat dan hubungan tanpa batasan agama dilihat berpotensi mengaburkan pemahaman nilai moral, terutamanya dalam kalangan remaja. Dalam konteks ini, penggiat industri drama televisyen berhadapan dilema antara memenuhi tuntutan populariti dan pasaran, serta melaksanakan tanggungjawab sosial dalam menghasilkan kandungan yang mendidik.

Ghani (2010) menegaskan drama televisyen harus difahami sebagai produk komunikasi yang berfungsi serentak sebagai hiburan, pendidikan dan dakwah. Kedudukan drama sebagai pembekal maklumat utama menjadikannya medium yang berpengaruh dalam membentuk agenda media seperti mendidik, memaklumkan, mempengaruhi dan menghiburkan masyarakat (Yaakop et al., 2018). Oleh itu, pemahaman terhadap fungsi tema cinta dalam drama menjadi penting kerana ia bukan sahaja mencerminkan cita rasa popular, tetapi turut berupaya membentuk nilai sosial masyarakat Melayu.

Cinta dalam Masyarakat Melayu

Terlebih dahulu, untuk memahami sejauhmana tema cinta dalam penceritaan drama Melayu ini difahami dalam kalangan pengkarya drama, konsep asas berkenaan cinta harus dibincangkan. Ini terutamanya konsep persoalan cinta dari perspektif masyarakat Melayu itu sendiri. Pandangan dari Zahrin dan Mohamad (2024) dalam penulisan yang berkaitan definisi cinta dalam kalangan remaja prasiswazah Muslim di institute pengajian tinggi menyatakan bahawa agak sukar untuk memberi istilah terhadap definisi cinta. Ini kerana konsep cinta itu mempunyai tingkat pemahamannya yang tersendiri. Menurut beliau lagi konsep cinta harus difahami dari aspek yang pelbagai memandangkan ia melibatkan latar belakang yang berbeza dari pelbagai aspek kehidupan manusia. Masalah timbul apabila manusia mendefinisikan cinta menurut ukuran nafsu (Sternberg & Weis, 2006) mahupun tanpa landasan agama (Zahrin & Mohamad, 2024).

Konsep Cinta dalam Masyarakat Melayu

Untuk memahami peranan tema cinta dalam penceritaan drama Melayu, konsep cinta itu sendiri perlu diteliti dari perspektif budaya dan agama masyarakat Melayu. Zahrin dan Mohamad (2024) menegaskan bahawa cinta merupakan konsep yang kompleks dan sukar didefinisikan secara tunggal kerana ia dipengaruhi oleh latar sosial, emosi, budaya dan keagamaan individu. Masalah timbul apabila cinta ditafsirkan semata-mata berasaskan nafsu atau keinginan seksual tanpa kerangka nilai agama dan moral (Sternberg & Weis, 2006).

Dalam tradisi pemikiran Barat, cinta sering dikategorikan kepada beberapa bentuk seperti *eros*, *philia*, *agape* dan *storge*, yang merujuk kepada variasi emosi daripada cinta romantik hingga kasih sayang kemanusiaan dan spiritual. Walaupun konsep ini membantu memahami kepelbagaian makna cinta, penerapannya dalam konteks masyarakat Melayu perlu ditafsirkan semula agar selari dengan nilai tempatan dan agama.

Dari perspektif Islam, cinta dilihat sebagai sebahagian daripada ibadah hati yang perlu diasaskan atas keimanan kepada Allah SWT. Abitolkha et al. (2013) menjelaskan istilah *hubb* dalam bahasa Arab merujuk kepada kecenderungan hati yang tulus, tetap dan disertai pengorbanan. Cinta dalam Islam tidak terhad kepada hubungan romantik, tetapi merangkumi cinta kepada Tuhan, keluarga, masyarakat dan nilai kebaikan sejagat. Cinta dalam Islam tidak

terhad kepada hubungan romantik, tetapi merangkumi cinta kepada Tuhan, keluarga, masyarakat dan nilai kebaikan sejagat. Karimullah (2023) menegaskan bahawa cinta yang berlandaskan ajaran Islam mampu menjadi asas pembentukan akhlak dan etika, sekali gus berperanan sebagai teras kepada keharmonian sosial dan kemanusiaan sejagat. Oleh itu, cinta yang tidak diasaskan kepada keimanan berpotensi menyimpang dan mudah dikuasai oleh hawa nafsu.

Dalam konteks kesusasteraan dan budaya Melayu, pemikiran Hamka seperti yang dibincangkan oleh Wahid (2014) menegaskan bahawa cinta dinilai melalui keseimbangan antara nilai kebendaan dan kerohanian. Kajian Hoesni et al. (2012) turut menunjukkan bahawa pemahaman cinta dalam masyarakat Melayu, khususnya dalam konteks perkahwinan, menekankan aspek komitmen dan intimasi yang berteraskan nilai moral, agama dan kemanusiaan. Hal ini menunjukkan bahawa cinta dalam budaya Melayu mempunyai dimensi pendidikan yang luas dan tidak terhad kepada romantisisme semata-mata.

Nilai Didikan dan Penceritaan

Perbincangan tentang nilai didikan dalam drama televisyen sering dikaitkan dengan konsep hiburan-didikan (*entertainment-education*). Syed dan Ibrahim (2018) menegaskan pemupukan nilai murni melalui kandungan televisyen amat penting dalam konteks literasi media, terutamanya apabila masyarakat semakin terdedah kepada teks budaya popular yang bersifat hiburan semata-mata.

Kajian klasik oleh Khalid dan Ahmed (2014) menunjukkan strategi hiburan-didikan telah lama digunakan dalam drama bersiri seperti soap opera di Mexico untuk mempromosikan perubahan sosial dan pembangunan masyarakat. Pendekatan ini menggabungkan mesej pendidikan secara implisit dalam naratif hiburan, sekali gus memudahkan penerimaan penonton tanpa paksaan pedagogi formal.

Pendekatan ini turut disokong oleh kajian Ghazali et al. (2014) yang mendapati bahawa drama hiburan-didik dan dokumentari mampu mempengaruhi niat tingkah laku penonton, walaupun kajian mereka lebih menumpukan kepada reaksi audiens berbanding proses penerbitan mesej oleh penggiat industri. Dalam konteks Malaysia, Yaakop et al. (2018) menegaskan bahawa drama, termasuk drama cinta, berpotensi menyumbang kepada pembentukan tamadun, budaya dan pendidikan masyarakat sekiranya mesej yang disampaikan selari dengan nilai sosial dan keagamaan.

Walaupun demikian, masih terdapat kekurangan kajian yang meneliti bagaimana nilai didikan ini dirancang, dinegosiasikan dan diterjemahkan oleh penggiat industri drama itu sendiri, khususnya dalam drama bertemakan cinta yang sering dikaitkan dengan hiburan popular.

Sistem Genre dalam Penceritaan

Genre merupakan kerangka penting dalam pembinaan penceritaan drama dan filem. Menurut McQuail (2010), genre berfungsi sebagai sistem pengkategorian teks budaya yang memudahkan penghasilan, pemasaran dan penerimaan kandungan oleh penonton. Namun, penggunaan genre yang terlalu rigid berpotensi menghadkan kreativiti pengkarya dan mengukuhkan struktur penceritaan yang berulang.

Dalam konteks genre romantik, Dowd dan Pallotta (2000) serta Hefner dan Wilson (2013) menegaskan bahawa penceritaan lazimnya tertumpu kepada konflik cinta antara protagonis

dengan pola naratif seperti cinta terlarang, cinta tiga segi dan pengakhiran bahagia. Struktur ini sering dianggap formulaik dan berorientasikan komersial. Walaupun terdapat usaha menggabungkan sub-genre atau cross-genre (Idayu, 2019), inovasi tersebut masih sering dikawal oleh pertimbangan pasaran.

Dauids (2023) pula menunjukkan sistem genre digunakan secara strategik dalam industri perfileman global untuk membentuk segmentasi penonton dan mengukuhkan kestabilan ekonomi industri. Dalam konteks drama Melayu, persoalan timbul sama ada genre romantik berfungsi sebagai alat kawalan yang menegakkan penerapan nilai didikan, atau sebaliknya boleh dimanipulasi secara kreatif untuk menghasilkan penceritaan yang lebih bermakna.

Penerbitan dan Penerimaan Tema Cinta Drama Melayu

Sorotan ini akhirnya berpaksikan kepada teori *encoding* dan *decoding* oleh Hall (1980), yang menekankan bahawa mesej media dibentuk melalui proses penghasilan makna oleh penerbit dan ditafsirkan secara berbeza oleh khalayak. Walaupun kebanyakan kajian terdahulu menumpukan kepada penerimaan audiens (Xie et al., 2022), kajian ini memberi tumpuan khusus kepada proses *encoding*, iaitu bagaimana penggiat industri membina dan menyampaikan nilai didikan melalui drama cinta.

Dengan memfokuskan kepada tahap penerbitan makna, kajian ini mengisi jurang literatur dengan meneliti secara kritikal agenda, pertimbangan dan cabaran penggiat industri dalam menerapkan nilai didikan dalam penceritaan cinta, sekali gus menyumbang kepada pemahaman baharu tentang peranan drama televisyen sebagai medium hiburan dan pendidikan sosial.

Metodologi

Reka Bentuk dan Pendekatan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif interpretif bagi memahami secara mendalam pembinaan makna, nilai dan pertimbangan penggiat industri dalam penerbitan drama televisyen bertemakan cinta. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia sesuai untuk meneliti fenomena budaya dan sosial yang kompleks, khususnya yang melibatkan pengalaman, kepercayaan dan tafsiran subjektif kumpulan tertentu dalam masyarakat (Neuman, 2013). Dalam konteks kajian ini, penggiat industri drama televisyen serta kandungan penceritaan telefilem berfungsi sebagai unit analisis utama.

Kajian ini juga selari dengan kerangka metodologi kualitatif yang dicadangkan oleh Creswell dan Poth (2014), yang menekankan penerokaan isu, masalah dan makna yang dibentuk melalui pengalaman manusia. Justeru, tumpuan diberikan kepada pentafsiran makna bagi memahami sikap, pandangan dan nilai pemikiran penggiat industri terhadap peranan tema cinta dalam menyampaikan nilai didikan kepada masyarakat.

Pemilihan Informan

Pemilihan informan dilakukan menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu satu teknik persampelan bukan kebarangkalian yang membolehkan penyelidik memilih peserta berdasarkan kriteria khusus yang relevan dengan objektif kajian (Dudovskiy, 2012; Campbell et al., 2020). Dalam kajian ini, informan terdiri daripada penggiat industri drama televisyen yang aktif atau pernah terlibat secara langsung dalam penerbitan telefilem bertemakan cinta. Kriteria pemilihan informan merangkumi: (a) penglibatan langsung dalam

penerbitan drama atau telefilem; (b) pengalaman minimum empat hingga lima tahun dalam industri, dan (c) pengalaman menghasilkan atau terlibat dalam karya bertemakan cinta.

Seramai 10 orang informan telah dipilih, selari dengan cadangan Creswell dan Poth (2018) yang menyatakan bahawa kajian fenomenologi lazimnya melibatkan antara 3 hingga 10 peserta. Bilangan ini dianggap memadai untuk mencapai ketepuan data (*data saturation*) dalam kajian kualitatif. Latar demografi informan merangkumi penerbit, pengarah, penulis skrip, penerbit eksekutif dan kru produksi, dengan tahap kelayakan dan pengalaman yang pelbagai.

Pengumpulan Data

Pengumpulan data dilaksanakan dalam dua fasa utama. Fasa pertama melibatkan analisis kandungan kualitatif terhadap lima buah telefilem Melayu bertemakan cinta yang telah diterbitkan dan ditayangkan semula melalui platform YouTube. Pemilihan telefilem dibuat berdasarkan kesesuaian tema, keterlihatan unsur percintaan dan kebolehaksesan bahan. Analisis kandungan dijalankan menggunakan pendekatan analisis tekstual dan semiotik bagi meneliti struktur penceritaan serta pembinaan makna (Hisham et al., 2019). Dalam fasa ini, analisis semiotik Barthes (1972) digunakan dengan memberi tumpuan kepada tahap signifikasi kedua (konotasi dan mitos) bagi mengenal pasti nilai didikan, norma sosial dan ideologi yang tersirat dalam penceritaan drama.

Fasa kedua pula melibatkan temu bual mendalam separa berstruktur dengan 10 orang informan terpilih. Temu bual ini bertujuan mendapatkan pandangan kritikal penggiat industri mengenai penggunaan tema cinta, kesesuaiannya sebagai medium didikan, serta kekangan yang dihadapi dalam proses penerbitan. Persampelan bertujuan digunakan bagi memastikan maklumat yang diperoleh bersifat relevan, mendalam dan berfokus kepada objektif kajian (Magwood et al., 2022).

Instrumen Temu Bual

Set soalan temu bual separa berstruktur dibangunkan berpandukan dua objektif kajian utama. Empat soalan teras disediakan bagi memastikan keseragaman data, namun penyelidik turut mengemukakan soalan susulan secara fleksibel berdasarkan respons informan bagi mendapatkan penjelasan yang lebih mendalam. Pendekatan ini membolehkan data yang diperoleh bersifat kontekstual, reflektif dan kaya dengan makna.

Analisis Data, Kesahan dan Kebolehpercayaan

Bagi meningkatkan kesahan kajian, triangulasi kaedah digunakan dengan menggabungkan analisis kandungan dan temu bual mendalam. Selain itu, pemilihan informan berpengalaman serta penggunaan petikan verbatim dalam analisis turut membantu meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian.

Dapatan Kajian

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian berdasarkan analisis kandungan kualitatif terhadap telefilem Melayu bertemakan cinta serta temu bual mendalam dengan penggiat industri drama televisyen. Analisis dijalankan secara tematik dan ditafsirkan melalui lensa teori *encoding* oleh Hall (1980), dengan tumpuan kepada proses penerbitan makna dan nilai didikan oleh penerbit.

Tema 1: Tema Cinta sebagai Formula Dominan Penceritaan

Analisis kandungan telefilem mendapati tema cinta merupakan elemen naratif dominan yang menjadi teras kepada struktur penceritaan. Kesemua telefilem yang dianalisis memaparkan konflik utama berasaskan hubungan romantik antara watak protagonis, dengan variasi seperti cinta terhalang, konflik keluarga, pengorbanan dan ujian emosi. Struktur ini selari dengan ciri genre romantik arus perdana yang menekankan konflik interpersonal dan penyelesaian berbentuk emosi.

Dapatan temu bual turut menunjukkan penggiat industri menganggap tema cinta sebagai 'formula selamat' yang mudah diterima oleh penonton dan pihak stesen penyiaran. Beberapa informan menyatakan bahawa tema cinta membantu memastikan kelulusan skrip, kebolehpasaran karya dan daya tarikan khalayak massa. Dalam konteks ini, cinta difahami sebagai strategi penceritaan yang memenuhi keperluan hiburan dan komersial industri.

Tema 2: Penerapan Nilai Didikan secara Implisit

Walaupun penceritaan bertemakan cinta, analisis semiotik mendapati bahawa nilai didikan tetap hadir namun kebanyakannya disampaikan secara implisit. Nilai seperti kesabaran, pengorbanan, tanggungjawab keluarga, kepentingan restu ibu bapa, serta kesedaran terhadap akibat pilihan hidup dipaparkan melalui konflik dan resolusi naratif.

Namun demikian, nilai didikan ini tidak selalu dinyatakan secara konsisten atau mendalam. Dalam beberapa telefilem, mesej didikan hanya muncul pada bahagian akhir cerita sebagai resolusi moral, tanpa pembangunan nilai yang berperingkat sepanjang naratif. Hal ini menunjukkan bahawa nilai didikan sering berfungsi sebagai elemen sokongan, bukan fokus utama penceritaan.

Pandangan penggiat industri mengesahkan dapatan ini. Informan menyatakan bahawa nilai didikan 'perlu ada', namun tidak boleh terlalu menonjol kerana dibimbangi mengganggu elemen hiburan dan emosi yang menjadi kekuatan drama cinta.

Tema 3: Ketegangan antara Tanggungjawab Sosial dan Keperluan Komersial

Dapatan kajian menunjukkan wujud ketegangan berterusan antara tanggungjawab sosial media dan tuntutan komersial industri. Penggiat industri mengakui peranan mereka dalam menyampaikan mesej positif dan mendidik, namun dalam masa yang sama terikat dengan keperluan rating, selera penonton dan kehendak stesen televisyen.

Beberapa informan menyatakan bahawa skrip yang terlalu 'berat' dengan mesej pendidikan sering dianggap kurang sesuai untuk siaran perdana. Justeru, kompromi dilakukan dengan menyelitkan nilai didikan secara minimum atau simbolik agar penceritaan kekal menarik dan emosional. Keadaan ini menunjukkan bahawa keputusan naratif bukan semata-mata berasaskan idealisme pengkarya, tetapi dipengaruhi oleh struktur dan budaya industri.

Tema 4: Genre Romantik sebagai Mekanisme Kawalan Kreatif

Analisis turut mendapati bahawa genre romantik berfungsi sebagai satu bentuk mekanisme kawalan yang membentuk cara penggiat industri membina penceritaan. Struktur genre yang formulaik menghadkan ruang inovasi dalam menerapkan nilai didikan secara lebih kreatif dan mendalam.

Walaupun terdapat usaha menggabungkan subtema seperti keagamaan, kekeluargaan dan nilai sosial, penggiat industri menyatakan bahawa penyimpangan terlalu jauh daripada struktur genre romantik boleh menjejaskan penerimaan penonton. Hal ini menunjukkan genre bukan sekadar kategori penceritaan, tetapi berfungsi sebagai kerangka ideologi dan ekonomi yang mempengaruhi proses *encoding* mesej.

Perbincangan

Dapatan kajian tersebut mengukuhkan hujah bahawa drama televisyen bertemakan cinta di Malaysia berfungsi dalam dua peranan utama: sebagai medium hiburan popular dan sebagai saluran penyampaian nilai sosial secara terbatas. Selari dengan pandangan Bilandzic et al. (2019) serta Krijnen dan Verboord (2016), pendedahan berulang terhadap naratif cinta berpotensi membentuk jangkaan moral penonton, namun keberkesanan nilai didikan bergantung kepada bagaimana mesej tersebut dikonstruksikan dalam penceritaan.

Dari sudut teori *encoding* (Hall, 1980), kajian ini menunjukkan bahawa penggiat industri secara sedar menstrukturkan mesej didikan dalam kerangka hiburan yang selamat dan boleh diterima pasaran. Proses *encoding* nilai didikan berlaku melalui simbol, konflik dan resolusi naratif, namun sering dinegosiasikan dengan tekanan komersial dan norma genre. Ini selari dengan dapatan Xie et al. (2022) yang menegaskan bahawa penerbitan makna media tidak berlaku dalam vakum, sebaliknya dipengaruhi oleh konteks institusi dan ekonomi.

Dapatan ini juga menyokong hujah Syed dan Ibrahim (2018) bahawa literasi media dan tanggungjawab sosial penyiaran berdepan cabaran dalam landskap media yang semakin kompetitif. Walaupun konsep hiburan-didikan (Khalid & Ahmed, 2014) diakui berkesan, penerapannya dalam drama cinta Melayu masih bersifat minimum dan tidak sistematik. Nilai didikan sering muncul sebagai ‘mesej tambahan’, bukan sebagai struktur teras penceritaan.

Selain itu, kajian ini memperlihatkan bahawa genre romantik bukan sekadar bentuk estetika, tetapi satu sistem kawalan industri yang membentuk keputusan kreatif penggiat seni, seperti yang diujikan oleh McQuail (2010) dan Davids (2023). Dalam konteks ini, drama cinta Melayu cenderung mengekalkan struktur emosi dan penyelesaian bahagia, sekali gus menghadkan potensi penceritaan yang lebih kritikal dan mendidik secara mendalam.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan drama televisyen Melayu bertemakan cinta memainkan dua peranan utama: sebagai medium hiburan popular dan sebagai saluran penyampaian nilai sosial secara terbatas. Analisis telefilem dan temu bual dengan penggiat industri mendapati bahawa tema cinta sering dijadikan formula dominan kerana ia mudah diterima penonton serta memenuhi kehendak komersial stesen penyiaran. Nilai didikan seperti kesabaran, pengorbanan, tanggungjawab keluarga dan kepatuhan kepada norma sosial hadir dalam penceritaan, tetapi kebanyakannya disampaikan secara implisit dan bersifat sokongan, bukan fokus utama. Proses penerbitan nilai ini turut dipengaruhi oleh tekanan komersial, norma genre romantik, dan kehendak pasaran, menunjukkan kreativiti penggiat industri dibentuk dalam konteks institusi dan ekonomi yang kompleks.

Selain itu, genre romantik berfungsi sebagai mekanisme kawalan kreatif yang menghadkan ruang untuk penerapan nilai didikan secara mendalam. Walaupun terdapat usaha memasukkan subtema sosial dan keagamaan, penyimpangan daripada struktur genre arus perdana boleh menjejaskan penerimaan penonton. Kajian ini menegaskan untuk menghasilkan drama cinta

yang lebih mendidik, perlu ada keseimbangan antara kebebasan kreatif, tuntutan pasaran, dan komitmen terhadap tanggungjawab sosial media. Rumusan ini memperkuat pemahaman bahawa drama cinta Melayu bukan sekadar hiburan, tetapi juga berpotensi menjadi medium pendidikan sosial dan budaya jika mesej didikan dirancang dan diterapkan secara sistematik.

Penghargaan

Kajian ini telah dapat dilaksanakan dengan jayanya hasil daripada sokongan dan kerjasama pelbagai pihak. Ucapan terima kasih diucapkan kepada semua individu yang telah menyumbang melalui pandangan, dorongan dan sokongan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada kepada Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, UPSI serta Fakulti Pengajian Islam, UKM atas dorongan, motivasi dan suasana kerja yang menyokong pembangunan penyelidikan dalam kalangan warga akademik, sekali gus menjadi pemangkin kepada terhasilnya kajian ini.

Rujukan

- Abitolkha, A. M., & Muvid, M. B. (2021). The education of love and its relevance to Islam as a religion of compassion: A study on the concept of mahabbah of Rabi'ah al-Adawiyah. *Religió: Jurnal Studi Agama-agama*, 11(1), 1-22.
- Bilandzic, H., Schnell, C. & Sukalla, F. (2019). The cultivation of idealistic moral expectations: The role of television exposure and narrative engageability. *Mass Communication and Society*, 22(5), 604-630.
- Barthes, R. (1972). *Mythologies*. Terj. Lavers, A. New York: The Noonday Press.
- Bolong, J. (1998). Perubahan kognitif dan tingkat interaksi penonton dengan drama Melayu di televisyen: Analisis drama 'Jutawan Segera'. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Campbell, S., Greenwood, M., Prior, S., Shearer, T., Walkem, K., Young, S., Bywaters, D. & Walker, K. (2020). Purposive sampling: Complex or simple? Research case examples. *Journal of Research in Nursing*, 25(8), 652-661.
- Communications and Multimedia Content Forum of Malaysia. (2022). *The Malaysian Communications and Multimedia Content Code 2022*. Ed. ke-3. Cyberjaya: Communications and Multimedia Content Forum of Malaysia.
- Creswell, J. W. & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches*. Ed. ke-4. Los Angeles: Sage.
- Dauids, E. L. (2023). The evolution of film genres: A comparative analysis of Hollywood and Bollywood. *Art and Society*, 2(4), 15-34.
- Dowd, J. J. & Pallotta, N. R. (2000). The end of romance: The demystification of love in the postmodern age. *Sociological Perspectives*, 43(4), 549-580.
- Dudovskiy, J. (2018). The ultimate guide to writing a dissertation in business studies: A step-by-step assistance. Akses: <https://share.google/NqUB4ueHiKnLsruCd>
- Ghani, Z. A. (2010). *Dakwah dalam Era Siber di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia Press.
- Ghazali, S., Mustafa, H. & Omar, B. (2014). Kesan drama hiburan-didik dan dokumentari dalam mempengaruhi niat untuk menderma organ: Satu eksperimen berteraskan model elaboration likelihood. *Jurnal Komunikasi*, 30(2), 1-20.
- Hall, S. (1980). Encoding/decoding. Dlm. Hall, S., Hobson, D., Lowe, A. & Willis, P. (pnyt.), *Culture, Media, Language*, hlm. 128-138. London: Hutchinson.
- Hefner, V. & Wilson, B. J. (2013). From love at first sight to soul mate: The influence of romantic ideals in popular films on young people's beliefs about relationships. *Communication Monographs*, 80(2), 150-175.

- Hisham, M. F., Dawam, Z. A. M. & Achin, I. A. (2019). Analisis semiotik watak dalam filem Terbaik dari Langit. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 2(5), 124-144.
- Hoesni, S. M., Mohamad, M. S., Hafidz, S. W. M., Chong, S. T. & Subhi, N. (2012). Meneroka konsep cinta dalam perkahwinan dalam kalangan Melayu bandar yang akan berkahwin. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 76-83.
- Joseph, G. (2022). Janganlah cinta saja, cuba pula topik kemanusiaan, perjuangan - Yusof Haslam. *Harian Metro*, 29 Mac.
- Karimullah, S. S. (2023). The concept of love in Islamic thought: Between spirituality and human relations. *Jurnal Kajian Keislaman*, 10(2), 17-38.
- Khalid, M. Z. & Ahmed, A. (2014). Entertainment-education: A communication strategy for social change: Opportunities and emerging trends. *Journalism and Mass Communication*, 2(1), 69-89.
- Krijnen, T. & Verboord, M. (2016). TV genres' moral value: The moral reflection of segmented TV audiences. *The Social Science Journal*, 53(4), 417-426.
- Magwood, O., Riddle, A., Petkovic, J., Lytvyn, L., Khabsa, J., Atwere, P., Akl, E. A., Campbell, P., Welch, V., Smith, M., Mustafa, R. A., Limburg, H., Dans, L. F., Skoetz, N., Grant, S., Concannon, T. W. & Tugwell, P. (2022). PROTOCOL: Barriers and facilitators to stakeholder engagement in health guideline development: A qualitative evidence synthesis. *Campbell Systematic Reviews*, 18(2), e1237.
- McQuail, D. (2010). *McQuail's Mass Communication Theory*. Ed. ke-6. Los Angeles: Sage Publications.
- Neuman, W. L. (2013). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Ed. ke-7. Chennai: Pearson Education.
- Rasit, R. M., Misrom, A. & Hamjah, S. H. (2020). The level of audience acceptance of Islamic genre films. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 9(4), 212-218.
- Said, E. W. (1988). *Culture And Imperialism*. New York: Vintage Books.
- Sternberg, R. J., & Sternberg, K. (pnyt.). (2006). *The New Psychology of Love*. Ed. ke-2. London: Yale University Press.
- Syed, M. A. M. & Ibrahim, M. N. (2018). Literasi media, cabaran penyiaran sosial dan kelangsungan industri televisyen di Malaysia. *Forum Komunikasi*, 13(1), 15-40.
- Wahab, J. A., Kim, W. L. & Baharuddin, S. S. B. (2013). Asian dramas and popular trends in Malaysian television industry. *Malaysian Journal of Communication*, 29(2), 159-174.
- Wahid, A. (2014). Worldview pengukuhan membina jati diri bangsa dalam novel Penghujung Rindu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 2(1), 68-83.
- Xie, Y., Yasin, M. I., Alsagoff, S. A. & Ang, L. H. (2022). An overview of Stuart Hall's encoding and decoding theory with film communication. *Journal of Multicultural Education*, 1(8), 190-198.
- Yaakop, N. A. M. & Sham, F. M. (2022). The value of Malay TV drama script affects young couples communication in the household: Nilai skrip drama Melayu TV mempengaruhi komunikasi pasangan muda dalam rumah tangga. *International Journal of Islamic Studies*, 27(2), 136-143.
- Yaakop, N. A., Zahrin, S. N., & Sham, F. M. (2018). Drama cinta Islamik dan pengaruhnya kepada psikologi cinta remaja. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(2), 11-23.
- Zahrin, S. N. A. & Mohamad, M. (2024). Definisi cinta dalam kalangan remaja prasiswazah Muslim di institusi pengajian tinggi Malaysia. *Global Journal Al-Thaqafah*, 9(1), 107-121.